



SIARAN MEDIA

MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN RAKYAT NEGERI TERENGGANU (SPPRNT) DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 27 Jun 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini menyempurnakan **Majlis Simbolik Penyerahan Skim Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT)** daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bertempat di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT bersama Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu melalui sesi menandatangani Surat Ikatan Penyerahan SPPRNT sebagai simbolik pemindahan pengurusan skim berkenaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

KPKT telah memindahkan baki terkumpul SPPRNT berjumlah RM23,810,487.47 ke akaun Perbendaharaan Amanah SPPRNT yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu berkuat kuasa pada 11 Mac 2026. Penyerahan tersebut turut merangkumi semua dokumen fail serta geran hak milik peminjam aktif SPPRNT yang telah disempurnakan pada 29 April 2026.

Majlis yang sama turut menyaksikan pemeeteraian Perjanjian Pindah Milik Gadaian SPPRNT antara Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), sekali gus melengkapkan proses pemindahan pengurusan skim tersebut kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyerahan SPPRNT ini merupakan manifestasi kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan pengurusan skim perumahan rakyat dapat dilaksanakan secara lebih cekap, teratur dan berkesan. KPKT yakin pengurusan SPPRNT oleh PMINT akan memperkukuh lagi usaha penyediaan pembiayaan perumahan yang lebih mampan dan responsif kepada keperluan rakyat negeri ini.

Menurut Ketua Setiausaha KPKT, "Penyerahan SPPRNT ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh agenda perumahan rakyat serta memastikan lebih ramai rakyat Terengganu mendapat akses kepada pembiayaan perumahan yang mampan dan berkesan".

Dalam masa yang sama, KPKT menyambut baik perancangan Kerajaan Negeri Terengganu untuk memanfaatkan dana terkumpul tersebut bagi memperluas pembangunan perumahan mampu milik pada masa hadapan, khususnya untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang memerlukan akses kepada kediaman yang selesa, selamat dan berkualiti.

Penyerahan SPPRNT ini juga mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh kerjasama Persekutuan dan Negeri serta memastikan agenda perumahan rakyat terus diperkasakan demi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato' Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak, Pegawai Kewangan Negeri Terengganu, pegawai-pegawai kanan dari KPKT dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu serta wakil agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my